

Penjawat awam ramai terlibat rasuah

JOHOR BAHRU: Penjawat awam golongan tertinggi ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor kerana disyaki terlibat rasuah dari tempoh 2020 hingga Disember 2022.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias berkata, daripada 219 yang ditahan, 90 ialah penjawat awam, manakala 75 pekerja swasta dan 54 orang awam.

Dalam tempoh sama, SPRM Johor telah membuka 196 kertas siasatan berkaitan kes rasuah dengan 101 kes dituntut di mahkamah.

"SPRM Johor juga telah menerima 940 maklumat berkaitan kesalahan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam tempoh yang sama," katanya pada Majlis Pelancaran Drama Radio 'Ringgit Ke Syurga?' di Auditorium Permata Sari, Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar, di sini semalam.

Majlis tersebut di-
sempurnakan Pengarah Program Radio, Jabatan Penyiaran Malaysia, Nor Ain Bakir yang turut di-
hadiri Pengarah Penyiaran Negeri Johor, Ramlee Johari.

Azmi berkata, berdasarkan 219 tangkapan sebelum ini menunjukkan 2021 merekodkan tangkapan tertinggi, iaitu sebanyak 89 tangkapan, diikuti tahun lalu (86) dan 2020 (41).

Tambahnya, berdasarkan statistik SPRM Johor dalam tempoh yang sama, sebanyak 82 kertas siasatan dibuka pada 2020 diikuti 61 kertas siasatan dibuka pada 2021 dan 53 pada tahun lalu.

Menurutnya, SPRM Johor telah mencatatkan jumlah sitaan sebanyak RM3.65 juta selain melucut hak rampasan pesalah rasuah bernilai RM213,831.60 dalam tempoh yang sama.